

Publication: Berita Harian, p 15

Date: 21 January 2015

Headline: Naqib is slightly worried but confident that he qualifies

## KELAYAKAN KE SUKAN SEA

# Naqib bimbang sedikit tetapi yakin dapat layakkan diri

► ISMAIL ALI  
ismail@sph.com.sg

PELARI pecut muda negara, Muhammad Naqib Asmin, mengakui beliau berasa bimbang sedikit belum dapat mengatasi masa kelayakan untuk menyertai acara 200 meter Sukan SEA tetapi yakin beliau dapat berbuat demikian sebelum tempoh terakhir yang ditetapkan Mac ini.

Pelajar Politeknik Republic itu hanya mampu mencatat masa 22.19 saat bagi acara tersebut untuk menduduki tempat kedua dalam Temasya Sukan Antara Universiti dan Politeknik (IVP) yang diadakan di Politeknik Singapura Sabtu lalu.

Acara itu dimenangi rakan sepasukannya dalam skuad negara, Gary Yeo, yang menganggotai kuartet 4x100 meter.

Yeo, yang mewakili Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan dijangka turut berlari dalam acara 100 meter Sukan SEA Jun ini, juga memenangi acara 100 meter temasya sama pada minggu sebelumnya, dengan Muhammad Naqib menduduki tempat ketiga dengan catatan 11.09 saat.

"Kalau nak ditanya soal bimbang atau tidak, saya berasa bimbang juga tetapi saya perlu mengekalkan keyakinan dan semangat saya.

"Buat masa ini, saya sedang beru-

saha memperbaiki teknik larian untuk mencatat masa lebih pantas dan saya yakin saya dapat mengatasi masa kelayakan 21.50 saat bagi acara 200 meter Sukan SEA dalam masa terdekat.

"Tarikh tutup bagi kelayakan ke Sukan SEA adalah dalam Terbuka Singapura Mac ini dan saya menaruh sepenuh keyakinan saya dapat membuktikan kemampuan saya selawat-lewatnya dalam temasya itu," tegas beliau penuh azam.

Menjelaskan pelan bertindaknya bagi melayakkan diri ke Sukan SEA Jun ini, Muhammad Naqib, 19 tahun, yang tidak asing dengan pertandingan baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa kerana pernah mewakili Team Singapore dalam Sukan Komanwel di Glasgow dan Sukan Asia Incheon tahun lalu, berkata beliau sedang cuba membiasakan diri dengan teknik larian baru yang diperkenalkan jurulatih acara pecut dan lompat berpagar baru, Luis Cunha.

"Saya gemar dengan bimbingan Cunha yang mahu saya menumpukan perhatian pada perkara-perkara asas seperti teknik, ketahanan dan kepastisan."

"Ulasan beliau selepas menyaksikan persembahan saya dalam IVP minggu lalu adalah saya masih perlu bekerja keras dan beliau akan membuat analisis bagi membolehkan saya mencatat masa lebih pantas.

"Pastinya dalam usaha saya



**MUHAMMAD NAQIB:** Masih punya beberapa lagi peluang mengatasi masa kelayakan 21.50 saat bagi melayakkan diri dalam acara 200 meter Sukan SEA Singapura Jun ini. Catatan terbarunya adalah 22.19 saat dalam Temasya Sukan Antara Universiti dan Politeknik yang berlangsung di Politeknik Singapura Sabtu lepas. — Foto fail

mempraktikkan teknik baru ini, saya tidak akan mampu mencatat masa terpantas dalam satu dua pertandingan sahaja.

"Saya memerlukan masa menyesuaikan diri dan menganggap penyertaan saya dalam IVP minggu lalu sebagai persiapan mencatat masa lebih baik dalam pertandingan akan datang," tambah Muhammad Naqib.

Beliau mempunyai beberapa lagi peluang mencapai masa kelayakan ke Sukan SEA dalam pertandingan yang diatur sepanjang bulan depan hingga Mac, termasuk menyertai skuad negara ke Australia bagi menyertai beberapa acara di sana.